

Ahli MCA perlu patuhi nasihat Perdana Menteri

BH 4 FEB 2002

IPOH, Ahad – Ahli MCA perlu menghayati nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu melihat parti itu terus bersatu serta stabil dalam meneruskan agenda perjuangan politiknya.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata Dr Mahathir hanya mempunyai satu harapan iaitu mahu MCA terus kukuh dan stabil walaupun kadangkala terpaksa berdepan dengan masalah.

“Perdana Menteri mahu melihat MCA stabil. Itulah yang selalu diperkatakan dalam kehidupan hariannya. Dia buat apa yang dituntutkannya,” katanya selepas menghadiri makan malam anjuran Pemuda MCA Perak, malam tadi.

Dr Ling berkata demikian ketika diminta mengulas pertemuannya dengan

Perdana Menteri sejezus sebelum Dr Mahathir berangkat ke luar negara untuk menghadiri Perhimpunan Ekonomi Sedunia di New York dan bercuti selepas itu.

Presiden MCA itu ditanya apakah pesanan atau nasihat yang ditinggalkan Dr Mahathir bagi menyelesaikan masalah dalaman yang melanda MCA.

Dr Ling berkata, nasihat yang diberi oleh Dr Mahathir amat berguna dan perlu dihayati oleh setiap ahli MCA.

“Itu adalah pesanan yang amat baik diberikan oleh Perdana Menteri,” katanya.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas pesanan lain yang diberikan Dr Mahathir sebelum berangkat.

Sementara itu, Dr Ling mengulangi pendiriannya bahawa ahli MCA bijak me-

entukan sendiri sama ada berlaku pertandingan jawatan tertinggi parti atau sebaliknya.

Katanya, ahli MCA di peringkat akar umbi berhak menentukan masa depan parti sama ada jawatan tertentu perlu ditandingi atau sebaliknya.

“Saya selalu percaya akar umbi ada kebijaksanaan mereka. Jika mereka tidak mahu pertandingan, mereka akan tahu bagaimana hendak memaklumkannya.

“Jangan kamu bertanding dan hadapi kekalahan serta merugikan masa. Akar umbi ada cara tersendiri untuk memberitahunya,” katanya.

Beliau berkata, salah satu prinsip asas demokrasi ialah golongan tewas perlu menghormati dan bekerjasama dengan golo-

ngan yang menang.

“Jika sifat itu diambil, pasti parti akan terus berpadu dan tidak berpecah belah,” katanya.

Mesyuarat peringkat cawangan MCA dijadualkan bermula Mac ini, manakala persidangan bahagian pada April ini dan konvensyen negeri serta kebangsaan pada Jun.